

20 JAN 1996

SATU ANALISIS BERITA BERNAMA

REBUTAN JAWATAN UMNO: KEGHAIRAHAN BOLEH BAWA KEHANCURAN

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Dengan hanya tinggal lebih sedikit daripada empat tahun sebelum tirai abad ke-20 dilabuhkan, perhimpunan agung UMNO 1996 yang dijadual berlangsung Oktober depan dilihat amat penting.

Walaupun jawatan Presiden dan Timbalan Presiden sudah diputuskan tidak akan dipertandingkan, perhimpunan itu tetap menarik kerana ia akan menyaksikan pemilihan pemimpin pelapis yang bakal menerajui dan sekali gus mencorak bentuk dan hala tuju parti melewati abad ke-21, kata pengalasis politik.

Di antara jawatan pelapis terpenting mengikut hirarki parti yang akan menjadi rebutan pada pemilihan tiga tahun sekali itu ialah tiga kerusi Naib Presiden dan 25 kerusi anggota Majlis Tertinggi (MT). Jawatan Ketua Pergerakan Pemuda juga dijangka menjadi rebutan.

Seperti yang telah diketahui umum, ketiga-tiga penyandang jawatan Naib Presiden sekarang, iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dan sebahagian besar anggota MT telah awal-awal lagi menyatakan hasrat untuk mempertahankan kedudukan masing-masing.

Yang menariknya, tidak seperti senario pertandingan pada masa-masa lampau, pengidam jawatan-jawatan itu kali ini juga awal-awal lagi tampil menawarkan diri untuk bertanding.

Ada di antara mereka yang telahpun menggerakkan jentera kempen masing-masing, walaupun perhimpunan agung akan hanya berlangsung 10 bulan lagi.

Bagi jawatan Naib Presiden, tiga tokoh setakat ini telah mengumumkan hasrat untuk mencabar ketiga-tiga penyandang itu, bermula dengan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan diikuti oleh Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Datuk Syed Hamid Albar.

Kemunculan terlalu awal pencabar-pencabar itu dilihat oleh banyak pemerhati sebagai satu keghairahan yang boleh mencetuskan kehangatan luar biasa pada pertandingan sebenar kelak.

Dan ini, khabarnya, merisaukan Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Daripada pengalaman yang lepas, keghairahan seumpama itu bukan sahaja boleh menyebabkan perpaduan dan keutuhan parti tergugat, bahkan turut menjejaskan kelicinan dan keberkesanan pentadbiran negara.

Sumber-sumber dalaman parti berkata, Dr Mahathir bimbang perbuatan menawar diri untuk bertanding terlalu awal boleh menyebabkan terlalu banyak masa digunakan oleh tokoh-tokoh itu serta pembantu dan penyokong mereka untuk berpolitik dan berkempen sehingga amanah yang diserahkan kepada mereka sebagai petugas awam seperti Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri atau wakil rakyat terabai.

Kesemua enam orang penyandang dan bakal pencabar jawatan Naib Presiden itu ialah pemegang jawatan utama kerajaan. Muhyiddin ialah Menteri Belia dan Sukan, Najib Menteri Pendidikan dan Muhammad Menteri Besar Selangor manakala Abdullah ialah Menteri Luar, Ramli Menteri Besar Perak dan Syed Hamid Menteri Pertahanan.

Dalam hubungan itulah maka MT pada mesyuarat terbarunya 16 Jan lepas difahamkan telah mengambil pendirian menggesa penyandang dan bakal-bakal calon terbabit supaya membendung diri daripada berkempen pada masa ini dan sebaliknya menunggu sehingga dua atau tiga bulan sebelum tarikh perhimpunan agung.

Menurut sumber-sumber itu lagi, Dr Mahathir dan Anwar juga tidak senang dengan pendekatan kempen yang sedang bermula, termasuk perbuatan menjual nama mereka, penyalahgunaan kedudukan dan kuasa untuk kepentingan politik peribadi serta amalan-amalan yang berunsur politik wang.

Kedua-dua pemimpin itu dikatakan bertegas tidak akan memberikan sokongan peribadi kepada mana-mana calon, agar pertandingan yang adil dapat disaksikan kelak.

Sebaliknya, mereka berdua akan memerhati kekalutan proses pertandingan itu dari atas dan tidak akan merestui mana-mana tokoh.

Janganlah sesiapa menjaja nama dengan mendakwa kononnya pencalonan mereka mendapat sokongan Presiden atau Timbalan Presiden.

Bahkan, Dr Mahathir dikatakan menolak dakwaan sesetengah golongan kononnya beliau merestui tokoh-tokoh tertentu yang menggunakan bahagian dan kawasan pilihan raya beliau, iaitu Kubang Pasu, sebagai tapak untuk membuat pengumuman tentang hasrat mereka untuk bertanding apa jua jawatan parti.

Dalam nada yang sama, mesyuarat terbaru MT difahamkan juga tidak mahu penyandang dan pencabar apa jua jawatan parti menubuhkan sebarang jawatankuasa atau membuka bilik gerakan untuk tujuan kempen.

Menurut sumber-sumber itu lagi, kepimpinan tertinggi parti juga tidak senang dengan sikap sesetengah anggota MT sekarang yang ghairah berkempen untuk mengejar kedudukan teratas dalam senarai anggota MT yang dipilih oleh perwakilan, seolah-olah anggota yang menduduki tempat ke-25, terakhir daripada segi jumlah undi, mempunyai kuasa yang kurang daripada mereka yang menduduki tempat yang lebih atas.

"UMNO sebuah parti yang mengamalkan dasar kolektif dan semua anggota MT mempunyai peranan dan kuasa yang sama. Keghairahan seumpama itu hanya boleh difahami jika seseorang calon itu dulu menduduki tempat ke-26 atau 27 dan kali ini mahu memasuki senarai yang terpilih," kata seorang penganalisis.

Dr Mahathir dan Anwar benar-benar mahu melihat pertandingan dilangsungkan dalam suasana kekeluargaan dan penuh muhibbah.

Sebagai permulaan ke arah itu, Dr Mahathir dikatakan mahu setiap bahagian atau badan perhubungan UMNO negeri yang ingin mengundang calon Naib Presiden dan MT ke sesuatu majlis perjumpaan atau jamuan kelak hendaklah mengundang kesemua calon, bukan calon tertentu sahaja.

Jika dihalusi, saranan Dr Mahathir itu menampakkan keinginannya agar tradisi pertandingan berteraskan budaya Melayu yang pernah diamalkan pada zaman-zaman awal kelahiran UMNO dihidupkan semula, kata penganalisis.

Ketika itu corak kempen ternyata lebih bersopan santun, keputusan pemilihan tidak ditentukan oleh broker politik atau sogokan wang, tiada perbuatan "menculik" perwakilan atau fitnah-memfitnah dan semua anggota meletakkan kepentingan UMNO di atas kepentingan diri.

Ringkasnya, walaupun ketika itu kebanyakan anggota serba daif dan ada yang buta huruf, tetapi mereka tetap celik hati.

Rasional Dr Mahathir di sebalik sikap yang diambilnya terhadap kemelut pertandingan kali ini ialah pemimpin yang naik kerana penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah dan rakus tidak wajar dipilih menerajui pemerintahan negara. -- Bernama